



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1993

BAYARAN (FEES), ELAUN-ELAUN DAN PAMPASAN YANG BOLEH DISIMPAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG DILANTIK MENJADI PENERUSI/AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN/KUASA-KUASA TEMPATAN/BADAN-BADAN PERNIAGAAN YANG KERAJAAN MEMPUNYAI KEPENTINGAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan kadar baru had bayaran elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan Berkanun/ Kuasa-kuasa Tempatan/Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan.

LATAR BELAKANG

2. Kadar had bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/Kuasakuasa Tempatan/Badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan telah ditetapkan di perenggan 2 **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8**

Tahun 1978. Kerajaan telah bersetuju mengkaji kadar berkenaan dan Pekeliling ini adalah bagi menetapkan kadar baru had itu.

KADAR BARU

3. Kadar baru had bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan

Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan/Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan adalah ditetapkan seperti berikut:

	<i>Kategori</i>	<i>Kadar Setahun (RM)</i>
(i)	a. Kategori IV	9,000
	b. Kategori III bergaji RM3137 dan ke bawah	
(ii)	a. Kategori III bergaji RM3138 dan ke atas	14,000
	b. Kategori II	
	c. Kategori I bergaji RM3563 dan ke bawah	
(iii)	Kategori I bergaji RM3564 dan ke atas	15,000
(iv)	Jawatan Utama atau Gred Khas 'C'	18,000

dan 'B'

(v)	Jawatan Utama dan Gred Khas A	22,000
(vi)	Jawatan Utama Turus III,II,I dan Ketua Setiausaha Negara	27,000

PELAKSANAAN

4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima bayaran yang melebihi had maksimum yang ditetapkan adalah dikehendaki memulangkan jumlah lebihan yang diterimanya kepada Kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan mematuhi peraturan ini dan Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan diminta dari masa ke semasa menyemak supaya peraturan ini dipatuhi.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 1993.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 2 **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1978** adalah dibatalkan.



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
12 Mei 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Ketua-ketua Pengurusan Badan Berkanun.
Semua Ketua-ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.